

Sama-Bajau

Dalam Kanca Urbanisasi

Pengalaman di Teluk Bone, Sulawesi Selatan



Uni
DS
632.
B24
G982
2010

Gusni Saat



Sama Bajau
Dalam Kanca Urbanisasi:
Pengalaman di Teluk Bone, Sulawesi Selatan

Gusni Saat

Universiti Malaysia Sarawak
2010

Cetakan Pertama

© UNIMAS

Hak cipta terpelihatra. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh
Penerbit UNIMAS,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh,
InfoGrafik Press Sdn. Bhd.
Lot 201, No. 265, Section 50, Jalan Nipah,
Off Jalan Abell Utara, 93100 Kuching, Sarawak, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Gusni Saat, 1960-

Sama-Bajau Dalam Kanca Urbanisasi : Pengalaman di Teluk Bone,
Sulawesi Selatan / Gusni Saat

Bibliografi : ms. 305

Mengandungi indeks

ISBN 978-967-5527-03-6

1. Bajau (Southeast Asian people)-Sulawesi Selatan (Indonesia). 2. Bajau (Southeast Asian people)-Sulawesi Selatan (Indonesia)-Economic conditions.

3. Bajau (Southeast Asian people)-Sulawesi Selatan (Indonesia)-Social life and customs. I. Judul.

305.8992205984

KANDUNGAN

<i>Senarai Jadual</i>	vi
<i>Senarai Peta</i>	vii
<i>Prakata</i>	viii
<i>Singkatan</i>	xiv
BAB 1 Pengenalan	1
BAB 2 Komuniti Urban	21
BAB 3 Sama-Bajau di Indonesia	63
BAB 4 Diaspora	85
BAB 5 Politik-Ekonomi	105
BAB 6 Peribumi Teluk Bone	125
BAB 7 Sosio-Ekonomi	163
BAB 8 Tahap Urbanisasi	189
BAB 9 Impak Urbanisasi	203
BAB 10 Pembangunan	225
BAB 11 Identiti Dan Perubahan	265
BAB 12 Prospek Masa Depan	285
<i>Rujukan</i>	303
<i>Indeks</i>	318

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Istilah sejagat Sama-Bajau di Asia Tenggara	63
Jadual 3.2	Sama-Bajau di Propensi Indonesia	69
Jadual 3.3	Rumpun suku etnik Sama-Bajau di Asia Tenggara	71
Jadual 3.4	Suku bangsa masyarakat terasing Indonesia	75
Jadual 6.1	Klasifikasi status kewarganegaraan	133
Jadual 7.1	Jenis pekerjaan	170
Jadual 7.2	Pendapatan	171
Jadual 7.3	Faktor kemunduran pendidikan	178
Jadual 7.4	Tingkat pendidikan	180
Jadual 8.1	Indikator urbanisasi awam	198
Jadual 8.2	Kepenggunaan peribadi	199
Jadual 9.1	Impak urbanisasi	217
Jadual 10.1	Faktor transformasi sosial	248

SENARAI PETA

Peta 3.1 Tebaran Sama-Bajau di Asia Tenggara dan Indonesia	67
Peta 6.1 Watampone ibu Kabupaten Kota Bone	129
Peta 6.2 Lokasi komuniti suku Bajo di Watampone	130

Prakata

Kajian dan penelitian berjudul “Urbanisasi dan Mobiliti Sosial Di Kalangan Sama-Bajau di Indonesia Timur, Perbandingan dengan Kes Malaysia Timur”, telah dilakukan selama dua tahun bermula dari tahun 2005 sehingga 2007 menerusi pembiayaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pemilihan komuniti Sama-Bajau di Teluk Bone, Sulawesi Selatan, Indonesia sebagai kes kajian, adalah untuk melihat impak urbanisasi ke atas mobiliti sosial komuniti tersebut dan kaitannya dengan pembangunan masa kini.

Perbandingan asas juga dibuat mengenai impak urbanisasi yang melanda komuniti Suku Sama-Bajau urban Teluk Bone dengan komuniti Sama-Bajau urban di Sabah, Malaysia. Proses soal selidik diguna-pakai pada tahap empirikal dan pengumpulan data mengenai ketua isi rumah, pendapat dan pengalaman hidup bagi pengutipan data kajian.

Hasil kajian ini diwacanakan dalam buku ini bertajuk “Sama-Bajau Dalam Kanca Urbanisasi: Pengalaman di Teluk Bone Sulawesi Selatan”. Pendekatan sejarah makro dan mikro telah digunakan bagi memahami persoalan pembangunan komuniti yang timbul akibat urbanisasi. Antara isu pembangunan yang dikupas ialah mengenai tindak balas terhadap perubahan ruang fizikal dan sosial persekitarannya akibat urbanisasi. Turut dikupas juga ialah mengenai kuasa gerak sosial yang mempengaruhi kebolehan komuniti ini melakukan perubahan dalam urbanisasi.

Beberapa hal yang boleh dianggap sebagai sumbangan kajian dan buku ini pula adalah bidangnya ialah pertama, isu yang diberikan perhatian adalah persoalan pembangunan komuniti suku etnik Sama-Bajau dalam konteks urbanisasi; kedua, kajian ini memberikan

perhatian ke atas komuniti Sama-Bajau yang telah berada dalam lingkungan urban; dan ketiga, kes mikro penelitian telah dikaji dalam kerangka makro sosial Sama-Bajau yang lebih luas merangkumi Malaysia, Filipina dan Indonesia. Ketiga-tiga hal ini merupakan aspek kajian yang masih terabai dalam kajian komuniti urban yang berasaskan suku etnik seperti Sama-Bajau.

Istilah “pribumi” di dalam buku ini merujuk kepada komuniti Sama-Bajau yang menjadi penghuni terawal di Teluk Bone. Meskipun, keberadaan Sama-Bajau di tempat ini tidak begitu dirasakan oleh kebanyakan warga pribumi lain seperti Bugis, Makassar, Mandar dan Toraja, tetapi hakikatnya, mereka merupakan penduduk awal yang mendiami kawasan pesisir dan kepulauan di wilayah ini. Kepribumian Sama-Bajau diasaskan kepada tiga faktor, pertama, mereka ialah suku etnik peribumi di Alam Melayu; kedua, Teluk Bone adalah sebahagian wilayah tradisional mereka; dan ketiga, mereka telah wujud di wilayah ini semenjak sebelum Indonesia dibentuk sebagai negara moden jajahan Belanda.

Kepribumian Sama-Bajau di Indonesia tidaklah diasaskan kepada daerah khusus iaitu berasaskan tanah dengan kuasa politik, sebagaimana suku Bugis, suku Makassar dan suku Buton. Akan tetapi, kepribumian Sama-Bajau berasaskan wilayah pesisir dan kepulauan yang kaya dengan sumber laut. Sifat sumber laut dan keluasan wilayah pesisir dan kepulauan menyebabkan Sama-Bajau kelihatan seperti masyarakat yang tidak bertempat, sehingga menyebabkan pihak lain menganggap mereka pendatang dari negara lain.

Kepribumian Sama-Bajau di Indonesia dipersatukan oleh etnisiti dan budaya di wilayah pesisir dan kepulauan. Di mana terdapat pulau di Indonesia Timur, di sana akan ada komuniti suku Sama-Bajau. Selagi mereka itu mempunyai perahu dan rumah, maka akan berkibarlah bendera kerajaan Bajau berwarna merah putih kuning yang melambangkan simbol kesatuan kepribumian masyarakat mereka. Biar pun kepribumian Sama-Bajau tidak dalam bentuk daerah politik

khusus, tetapi asas kesatuan mereka masih utuh. Kini, kepribumian masyarakat Sama-Bajau di Indonesia mula terhakis sejak kepribumian mereka di wilayah tradisional terus dinafikan oleh kuasa pasaran yang hanya tertarik untuk mengeksploitasi sumber mereka. Asas pemilikan komunal yang tidak sah dari segi hukum negara bangsa, menyebabkan rapuhnya asas untuk mereka mempertahankan wilayah berkenaan.

Di Teluk Bone, tanah komuniti sebagai asas kesatuan pribumi mereka kini hampir terhakis sepenuhnya. Urbanisasi telah menimbulkan “penafian” tanah komuniti yang telah diasaskan oleh keturunan mereka sejak seabad yang lampau. Tanah komuniti Sama-Bajau telah dianggap sebagai tanah negara. Implikasinya, komuniti Sama-Bajau berstatus setingan. Nasib masih lagi menyebelahi mereka setelah sisa-sisa sejarah hubungan baik Sama-Bajau dengan kerajaan pra kolonial Belanda di Bone mendapati tanah berkenaan adalah “anugerah” Raja Bone kepada keturunan komuniti Sama-Bajau. Sewaktu perang, kerajaan Bone melawan Belanda pada tahun 1904/1905 di mana menyaksikan Sama-Bajau telah membantu mempertahankan Bone dari kawasan pantai.

Sebagai tanda penghargaan ke atas sumbangan Sama-Bajau, Raja Bone telah menganugerahkan kawasan pantai di Teluk Bone sebagai tempat pemukiman suku etnik pribumi ini. Atas faktor ini dan simpati pihak kerajaan Indonesia di Bone kepada komuniti Sama-Bajau, maka mereka dibenarkan terus menduduki kawasan berkenaan bukan atas dasar tanah komuniti tetapi tanah milik peribadi yang bergeran.

Berpegang kepada falsafah bahawa urban ialah fasa tertinggi dalam tahap pencapaian tamadun manusia, maka buku ini menghujahkan bahawa walau di dalam masyarakat yang mundur sekalipun, urbanisasi dan urban tetap dipandang sebagai proses dan pusat perubahan sosial ke arah pembangunan. Hanya persoalan yang timbul ialah sejauh mana sesebuah komuniti dapat menjadikan urbanisasi sebagai peluang untuk membangun. Kuasa gerak yang menjadi dasar kepada keupayaan sesebuah komuniti untuk berhadapan

dengan situasi urbanisasi ini boleh dicapai menerusi aspek mentalis seperti cara berfikir, menilai dan tindak-balas mereka. Manakala dari sudut struktural pula boleh dilihat menerusi dasar negara, kuasa-kuasa pasaran dan isu ekonomi.

Tindak balas yang lambat dari Sama-Bajau terhadap perubahan ruang Teluk Bone, memperlihatkan mereka begitu ketinggalan, bukan sahaja oleh perubahan fizikal bahkan juga oleh perubahan demografi dan sosio-ekonomi yang didominasi oleh suku Bugis dan etnik Cina. Dijangkakan, pada masa akan datang, pribumi Teluk Bone akan mengalami dislokasi sosial dan fizikal ekoran keupayaan sosial mereka sekarang ini terutama dalam aspek ekonomi dan pendidikan.

Apabila berlakunya dislokasi sosial, komuniti Sama-Bajau akan mengalami proses penyingkiran dari wilayah leluhurnya iaitu Kelurahan Bajoe. Sebelum terbandar, mereka berkedudukan inlokasi tetapi setelah terbandar komuniti Sama-Bajau dalam situasi dislokasi, satu cabaran yang sangat getir untuk mereka tangani.

Seandainya mereka tersingkir dari Kelurahan Bajoe, mereka tidak mempunyai pilihan lain selain dari belayar ke laut dan pulau mencari tempat bagi membina semula perkampungan baru. Ekoran ikatan ekonomi yang kuat antara Sama-Bajau dengan urban, maka di manapun tempat di Indonesia, suku etnik Melayu ini pasti mendekatkan penempatan mereka dengan pusat urban.

Bagaimanapun, pada abad ke-21 sekarang ini, adalah sukar buat pribumi Sama-Bajau Teluk Bone untuk mencari perkampungan baru di kawasan terbandar seperti Teluk Bone. Oleh itu, apabila mengimbas mengenai kepayahan dalam membina kehidupan sedentari di Teluk Bone, maka Sama-Bajau Teluk Bone haruslah mengelak diri dari dislokasi fizikal.

Syukur Alhamdulillah kita panjatkan kepada Allah S.W.T kerana setelah menempuh segala kepayahan, akhirnya penyelidikan ini dapat disempurnakan dalam sebuah dokumen yang berstatus buku penyelidikan. Tanpa pertolongan dan kerjasama yang telah dihulurkan

oleh semua pihak berkaitan, kajian dan buku ini mustahil dapat dilakukan dengan baik. Atas keinsafan ini, saya merakamkan penghargaan yang tidak ternilai kepada semua pihak yang telah menghulurkan bantuan termasuk mereka yang tidak sempat disenaraikan.

Terima kasih kepada Profesor Dr. Syamsul Bachri Thalib, Dekan Fakultas Psikologi Universitas Negeri Makassar, orang yang telah membuka jalan bagi memulakan penyelidikan ini di Teluk Bone dengan menghulurkan segala bentuk pertolongan, idea dan tenaga. Terima kasih kepada Dr. Chulicul Hadi, Fakultas Psikologi Universitas Airlangga Surabaya, yang telah memanjangkan persyahabatannya dengan Profesor Dr. Syamsul Bachri Thalib kepada saya. Sahabat yang terhormat Profesor Madya Mostafa Kamal Mokhtar, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, FSSK, UKM. Terima kasih atas segala pertolongan yang diberikan.

Kepada warga Kampung Bajo dan Pak Rasid Kepala Lingkungan Bajo, Ibu Idayanti anggota pengasas Tadika Bajo, terima kasih yang tidak terhingga atas kerjasama yang telah diberikan sewaktu penelitian ini berjalan. Rakan-rakan penyelidik daripada Universitas Negeri Makassar, Pak Jumadi, Pak Saman, Pak Yasser dan Pak Ahmad, terima kasih atas kerjasama yang kalian telah hulurkan. Terima kasih yang tidak terhingga atas idea dan informasi yang telah diberikan oleh Profesor Dr. Muhammad Arif Tiro, Ketua Lembaga Penelitian Universitas Negeri Makassar dan Ketua Peneliti Kebudayaanannya, Dr. Andi Halilintar Lathief, yang sangat bermanfaat buat penyelidikan ini.

Terima kasih juga saya rakamkan buat Yang berbahagia Datuk Yahya Lampong, Pengerusi Sabah Cement Sdn. Bhd atas sumbangannya, termasuklah idea-idea yang disumbangkan dalam beberapa perbincangan. Yang Berhormat Datuk Panglima Mohd. Salleh Tun Said, mantan Ketua Menteri Sabah dan ahli parlimen Kota Belud dan kini sebagai Presiden United Sabah Bajau Organization (USBO), terima kasih atas segala pertolongannya, idea-idea yang telah

disumbangkan dalam beberapa perbincangan. Sesungguhnya lawatan Datuk Panglima Mohd. Salleh dan rombongan ke Bajoe Teluk Bone pada Feburari 2007, telah meningkatkan lagi motivasi saya untuk menghasilkan buku ini.

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga juga saya rakanan buat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas dana penyelidikan Fundamental dan dana Operasi Universiti Penyelidikan (OUP) yang telah diberikan untuk penyelidikan ini. Sesuai dengan reputasinya sebagai universiti penyelidikan, diharap buku penyelidikan ini bermakna buat UKM.

Semoga buku ini memberikan sumbangan bermakna dalam bidang kajian urbanisasi dan komuniti dalam konteks pembangunan masyarakat peribumi dan juga memberikan sumbangan kepada korpus ilmu bidang kajian masyarakat maritim dan kajian Sama-Bajau.

Kuching
Januari 2010

Gusni Saat

SINGKATAN

ADPR	Ahli Dewan Perwakilan Rakyat
BERJAYA	Bersatu Rakyat Jelata
DEPSOS	Department Pembangunan Sosial
DS1	Degree Sarjana 1
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
NGOs	Non-Governmental Organisations
NSM	Negara Sedang Membangun
OUP	Operasi Universiti Penyelidikan
PBS	Parti Bersatu Sabah
PBSb	Persatuan Bugis Sabah
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SD	Sekolah Dasar
SMA	Sekolah Menengah Asas
SMP	Sekolah Menengah Pertama
SMU	Sekolah Menengah Umum
UMNO	United Malay National Organisation
USBO	United Sabah Bajau Organisation
USNO	United Sabah National Organisation
UUD	Undang-Undang Dasar

Sama Bajau
Dalam Kanca Urbanisasi:
Pengalaman di Teluk Bone, Sulawesi Selatan

1

Pengenalan

Buku ini mengenai perubahan dan pembangunan dalam kalangan suku etnik peribumi Sama-Bajau yang sedang berada dalam situasi urbanisasi dan urbanisme. Kes penelitiannya adalah komuniti Sama-Bajau di Sulawesi Selatan, Indonesia. Buku bermula dengan perbincangan umum pada tahap makro dengan harapan dapat meneroka dan memahami apa sebenarnya situasi urbanisasi dan urbanisme yang sedang dialami oleh komuniti-komuniti suku etnik Sama-Bajau di Malaysia, Filipina dan Indonesia. Kerangka makro ini sangat penting sebagai asas bagi meletakkan perbincangan pada tahap mikro iaitu komuniti Sama-Bajau yang menjadi kes penelitian.

Ketiga-tiga buah negara, Malaysia, Filipina dan Indonesia adalah membentuk sebahagian besar daripada wilayah Asia Tenggara dimana suku etnik Sama-Bajau menjadi bahagian daripada kaum pribumi. Komuniti-komuniti pribumi urban dari kalangan suku etnik Sama Bajau di tiga buah negara Asia Tenggara ini sebenarnya sedang mengalami senario kehidupan abad ke-21 yang juga dikenal sebagai era globalisasi. Bayangan umum mengenai situasi masyarakat urban abad ke-21 dan era globalisasi biasanya indah-indah belaka, baik dari segi persekitaran ekologi fizikal mahupun persekitaran ekologi sosialnya. Atas gambaran yang demikian maka timbul keinginan untuk meninjau apakah dalam kalangan komuniti urban pribumi seperti suku etnik Sama-Bajau, mereka juga berada dalam kehidupan yang indah-indah belaka?

Sama-Bajau Dalam Kanca Urbanisasi: Pengalaman di Teluk Bone Sulawesi Selatan

Bermula dengan rangka makro sejarah sosial suku etnik Sama-Bajau, buku ini menjurus kepada perbincangan mikro ke atas sebuah komuniti Sama-Bajau dalam kawasan urban di Sulawesi Selatan Indonesia iaitu komuniti yang telah dikaji dan menjadi bahan perbincangan khusus buku ini. Maka untuk buku ini telah dipilih satu tema yang difikirkan dapat memayungi seluruh perbincangan ini iaitu “Komuniti Sama-Bajau Teluk Bone Sulawesdi Selatan Dalam Kanca Urbanisasi”. Buku ini dari segi reka bentuk idea telah dibahagikan kepada empat bahagian perbincangan iaitu pertama, pengenalan yang terkandung dalam Bab I; kedua, latar belakang, konteks perbincangan makro yang merangkumi isu perubahan dan pembangunan Sama-Bajau di Asia Tenggara dan kedudukan Sama-Bajau di Indonesia yang dijelaskan dari Bab 2 sampai Bab 5; bahagian ketiga pula menumpukan perhatian kepada perbincangan tahap mikro iaitu kes yang telah dikaji. Perbincangan mikro ini merangkumi Bab 6 hingga Bab 11 dan akhirnya Bahagian empat yang merupakan rumusan kepada buku ini dibincangkan dalam Bab 12.

Keterpinggiran dan Kemunduran

Perubahan ekologi fizikal dan sosial berlaku kian pantas sehingga tidak lagi ada suku etnik atau komuniti peribumi di dunia yang dianggap belum tersentuh oleh perubahan. Dengan demikian, secara sosialnya boleh dikatakan tidak ada lagi suku etnik yang boleh dianggap sebagai “masyarakat terasing”. Dirujuk sebagai masyarakat terasing ialah kumpulan manusia yang hidup dalam dunia tersendiri dengan tidak sengaja mengekalkan pola kehidupan tradisionalistik. Sosio-ekonomi mereka sama sekali terasing daripada sistem ekonomi dunia yang kini sedang berkuat-

Pengenalan

kuasa. Masyarakat jenis ini boleh dikatakan sudah tidak wujud lagi, sebaliknya yang ada ialah masyarakat terpinggir dari arus perdana perubahan dan pembangunan negara dimana mereka wujud.

Keterpinggiran mereka boleh jadi mengambil bentuk fizikal dan sosial. Ertinya, mereka memang inginkan perubahan daripada kehidupan yang susah kepada senang tetapi mereka tidak berdaya melakukannya. Jika perubahan itu sukar untuk dilakukan maka mungkin penyebabnya adalah dua iaitu faktor dalaman atau luaran, ataupun gabungan kedua-duanya yang diluar kawalan mereka. Perubahan ini pula bergerak menerusi segala bentuk sumber yang boleh menjadi laluan kepada kuasa-kuasa ekonomi dalam sistem pasaran, terutamanya globalisasi dan urbanisasi. Laluan perubahan ini termasuklah budaya konsumpsi, urbanisasi dan urbanisme.

Sama-Bajau ialah antara kumpulan suku etnik pribumi maritim yang pada satu masa dahulu dilihat hidup dalam “dunia tersendiri” tetapi bukan sebagai kumpulan masyarakat terasing kerana mereka sentiasa berkomunikasi dengan masyarakat luar yang lebih dominan dari segi budaya, politik dan ekonomi. Dari segi pembangunan pula, sumber ekonomi mereka juga sudah menjadi sebahagian dari komoditi ekonomi dunia. Kini di mana-mana sahaja, mereka sedang dilanda oleh arus perubahan yang pesat dan mencabar status dan kewibawaan mereka sebagai penduduk asli di sesebuah kawasan. Status dan wibawa mereka sebagai penduduk pribumi di sesebuah kawasan sering dianggap tidak sah oleh kuasa-kuasa ekonomi yang menggerakkan perubahan hanya kerana status dan wibawa berkenaan tidak dibuktikan secara undang-undang seperti surat hak miliki tanah individu atau komuniti yang berdaftar di jabatan tanah. Hal demikian terjadi apabila kawasan mereka diperlukan oleh kuasa-kuasa ekonomi dan sebagai cara bagaimana mereka tersingkir secara fizikal daripada kawasan ini. Inilah situasi yang telah

Sama-Bajau Dalam Kanca Urbanisasi:
Pengalaman di Teluk Bone Sulawesi Selatan

mengubah alam fizikal komuniti-komuniti suku etnik Melayu seperti Sama-Bajau, sehingga ia memberi impak yang pelbagai ke atas kehidupan warganya.

Sejauh mana perubahan fizikal demikian berimpak positif atau negatif, adalah tertakluk kepada dua perkara iaitu pertama, kekuatan politik-ekonomi mereka dan kedua, keperdulian (ambil berat) pihak pemerintah atau negara terhadap untung nasib mereka. Fenomena perubahan alam fizikal ini juga terjadi ke atas komuniti-komuniti Sama-Bajau di Filipina dan Malaysia serta memberi dampak yang seakan-akan sama seperti yang dialami oleh Sama-Bajau di Indonesia.

Perubahan ekologi fizikal dan sosial bukan lagi menjadi persoalan pokok dalam masyarakat peribumi di kawasan pesisir dan kepulauan, kerana ia adalah satu proses yang tidak dapat dielakkan lagi. Sebaliknya, hal yang menjadi persoalan ialah bagaimana komuniti-komuniti peribumi yang menerima kesan oleh perubahan dapat menghadapi seterusnya menangani perubahan berkenaan sehingga mereka dapat menjadikannya sebagai gelanggang untuk pembangunan. Kepada komuniti-komuniti suku etnik pribumi untuk membangun menerusi perubahan ekologi fizikal yang sedang melanda kehidupan mereka, bukanlah persoalan yang mudah. Buku ini adalah mengenai pola perubahan sosial komuniti suku etnik peribumi yang mengalami situasi urbanisasi dari suku etnik Sama-Bajau di Bajoe Teluk Bone Sulawesi Selatan.

Sama ada impak urbanisasi dan urbanisme ini bersifat positif atau negatif ke atas komuniti-komuniti pribumi sangat bergantung kepada keupayaan mereka untuk menanganinya. Upaya menangani isu urbanisasi dan urbanisme datangnya dari dua sumber yang dapat dikategori kepada dua, dalaman dan luaran. Komuniti adalah sumber kekuatan bagi warganya menangani perubahan yang dijana oleh urbanisasi dan urbanismedan ia boleh

dianalisis daripada dua sudut iaitu sudut komuniti sebagai tempat perlindungan dan komuniti sebagai solidariti sosial budaya kepada warganya.

Persoalan yang berbangkit ialah apakah impak perubahan yang dijana oleh urbanisasi dapat menggerakkan mobiliti sosial di kalangan komuniti suku etnik Sama-Baja? Apakah mobiliti sosial itu terarah kepada pembangunan atau perubahan semata-mata? Apakah pula perkara yang menjadi dorongan mahupun halangan kepada mereka untuk melakukan perubahan bagi mencapai pembangunan? Ini adalah antara persoalan utama dalam pembangunan yang dihadapi oleh komuniti Sama-Bajau di Indonesia dan khususnya di Teluk Bone, Sulawesi Selatan. Persoalan ini rumit untuk dihuraikan oleh kerana ia berhubung-kait dengan faktor struktural dan sosio-budaya dalam dan luar komuniti yang telah merentasi tempoh masa yang panjang. Dengan itu, untuk mendapatkan kefahaman tentang masalah pembangunan komuniti, maka penelitian secara menyeluruh perlulah dilakukan.

Komuniti-komuniti urban terutama yang berasaskan suku etnik dan kelas sosial merupakan golongan masyarakat yang sedang tertekan oleh impak urbanisasi dan globalisasi. Pembangunan adalah isu kemanusiaan kerana ia berbicara tentang membebaskan manusia dari sebarang bentuk sumber kemunduran, kemiskinan dan penindasan. Dari itu, atas banyak sebab, tema pembangunan mendapat perhatian sewajarnya dalam wacana pembangunan, pada era urbanisasi dan globalisasi masa kini.

Antara sebabnya adalah, pertama, pembangunan sebenarnya adalah satu bentuk fenomena sosial yang berasal daripada manusia kepada manusia sendiri akhirnya, kedua, sistem ekonomi dan pasaran kapitalis-liberal yang sedang berkuat-kuasa nampaknya lebih banyak impak negatif dari positif, ke

Sama-Bajau Dalam Kanca Urbanisasi: Pengalaman di Teluk Bone Sulawesi Selatan

atas masyarakat-masyarakat kecil di seluruh dunia, terutama kepada masyarakat dan bangsa yang mundur di Asia dan Afrika, ketiga, jurang ketidak-samaan sosial dalam dan antara kumpulan etnik di kebanyakan negara semakin melebar sehingga tekanan ekonomi ini terus menjadi sumber pencetus segala jenis keburukan dalam masyarakat seperti amalan rasuah dan salah guna kuasa, rompakan, pemerdagangan manusia, penindasan serta kemelantaran; dan keempat, banyak komuniti peribumi yang tercampak daripada kawasan mundur (desa) dan tradisional ke dalam kawasan membangun seperti kawasan urban, tempat dimana berlangsungnya kegiatan ekonomi moden. Walhal, kebanyakan mereka masih belum dapat menjadi peserta yang aktif kerana belum mempunyai keupayaan dan persediaan yang sewajarnya. Akhirnya, keadaan ini meletakkan mereka lebih hanya sebagai penonton dan bukan peserta atau menjadi mangsa kepada “pembangunan”.

Memang benar bahawa sukar bagi komuniti-komuniti yang berasaskan suku etnik, terhindar dari perubahan yang dijana oleh urbanisasi dan globalisasi disebabkan kedua-duanya adalah proses sosial yang berlaku secara menyeluruh dan berterusan. Namun demikian komuniti suku etnik masih boleh menghindarkan diri dari mendapat impak yang negatif akibat perubahan yang dijana oleh urbanisasi dan globalisasi, apabila kapasiti sosial mereka dapat dipertingkatkan. Keupayaan daya saing sosial seperti mempunyai tahap pendidikan yang baik dan kemahiran tertentu akan membolehkan mereka merebut setiap peluang ekonomi yang melingkungi persekitaran mereka.

Sekiranya hal ini terjadi, bermakna pada masa itu mereka telah berjaya akses kepada sumber ekonomi yang lebih produktif yang dijana oleh perubahan. Selanjutnya, kekuatan kapasiti sosial membolehkan mereka menggerakkan status sosial secara menegak dalam masyarakat. Walaupun demikian, masih lagi

timbul persoalan yang lebih dasar iaitu bagaimana hal ini boleh dilakukan dan siapa pula yang dapat membantu mereka melakukannya. Persoalan ini adalah isu asas kerana dalam keadaan mereka sebagai kumpulan sosial yang terkebelakang, secara sendirinya mereka tidak mungkin dapat bersaing dengan bebas dalam sistem pasaran yang sudah terstruktur demikian rupa. Inilah antara isu pembangunan manusia yang mendasari persoalan pembangunan kebanyakan komuniti pribumi terbandar dalam mana-mana masyarakat dan ia cuba diberikan perhatian dalam perbincangan buku ini.

Di Indonesia Sama-Bajau merupakan sebahagian dari kumpulan suku-suku etnik Sama-Bajau yang lebih besar di Asia Tenggara iaitu di Malaysia dan Filipina. Berdasarkan latar-belakang sosio-ekonomi dan populasinya, mereka boleh dikategorikan ke dalam masyarakat maritim yang minoriti di Indonesia disamping suku etnik Orang Laut. Pada ketika masyarakat dan negaranya memberikan tumpuan kepada isu-isu pembangunan arus perdana dan juga yang berkaitan dengan globalisasi, masyarakat kecil seperti komuniti-komuniti maritim masih lagi bergelut dengan keperitan hidup akibat kemunduran dan kemiskinan. Secara umumnya, kemunduran dan kemiskinan yang mereka hadapi berpunca dari hasil tangkapan nelayan yang kian hari kian merosot disebabkan operasi nelayan-nelayan komersil dan kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan perikanan oleh para pelabur asing dalam wilayah perikanan tradisional Sama-Bajau.

Nasib yang sama juga dialami oleh Sama-Bajau di Kepulauan Indonesia yang bukan sahaja berdepan dengan kemiskinan tetapi juga kepupusan sumber ekonomi dan tekanan perubahan persekitaran akibat operasi kuasa-kuasa pasaran tempatan dan global. Dalam persekitaran yang demikian, secara fizikal suku Sama-Bajau di beberapa buah pulau di Kepulauan

Sama-Bajau Dalam Kanca Urbanisasi: Pengalaman di Teluk Bone Sulawesi Selatan

Indonesia Timur, telah mengalami perubahan yang besar. Akan tetapi, sosio-ekonomi mereka sebenarnya mengalami involusi (keadaan tidak berubah dan malah menjadi lebih buruk) ekonomi dan aspek-aspek sosial lain seperti pendidikan. Involusi ekonomi ini akan terus melestarikan kerana populasi Sama-Bajau yang semakin meningkat sedangkan sumber laut yang menampung keperluan hidup mereka terus mengalami kepupusan sekaligus memberi makna bahawa hasil ekonomi terus berkurangan. Jika sekiranya pemerintah Indonesia tidak melakukan pembaharuan ekonomi bagi mengatasi masalah involusi ekonomi tersebut di kalangan masyarakat kecil pribumi seperti masyarakat Sama-Bajau, mereka akan terus berada dalam putaran ganas kemunduran.

Berbanding Sama-Majau di Malaysia yang lebih membangun dan mendapat perhatian pihak negara, di Filipina dan Indonesia, mereka tidak sahaja minoriti dari segi demografi bahkan yang lebih malang lagi mereka juga minoriti dari aspek sosio-ekonomi. Keadaan ini telah meletakkan mereka di luar arus perdana pembangunan negara bangsa masing-masing. Persaingan politik-ekonomi yang terjadi di kalangan suku etnik di Filipina dan Indonesia telah membuatkan identiti suku etnik Bajau terus tenggelam sehingga masalah pembangunan mereka sukar mendapat perhatian pihak berkuasa.

Mengenai wilayah pula, sebelum wujud negara moden ciptaan kolonial Barat di Malaysia, Filipina dan Indonesia, wilayah yang bersempadan di kawasan pesisir dan kepulauan merupakan wilayah tradisional suku Sama-Bajau. Wilayah yang bersempadan ini merangkumi bahagian Selatan Filipina, bahagian Timur Sabah, Malaysia dan bahagian Timur Indonesia. Ikatan ekologi ekonomi dan ikatan kekerabatan yang terjalin dalam kalangan komuniti-komuniti suku Sama-Bajau telah melestarikan pergerakan laut mereka dalam lingkungan wilayah tradisional yang memang mereka telah mereka warisi daripada generasi sebelumnya.

Pengenalan

Kewujudan negara bangsa yang berdaulat di tiga buah wilayah ini telah membataskan lagi pergerakan laut suku Sama-Bajau dan menjadikan mereka lebih tertumpu ke dalam lingkungan negara pemastautinan masing-masing.

Kewujudan negara bangsa yang telah menggantikan kerajaan-kerajaan peribumi di Malaysia, Filipina dan Indonesia, nampaknya telah menjadi pendorong yang kuat buat kumpulan Sama-Bajau yang masih menetap di rumah-perahu, untuk melakukan transformasi sosial dari yang berasaskan ragam kehidupan secara bergerak (DiLaut), kepada ragam kehidupan laut-nelayan secara menetap di sesebuah kawasan. Ragam kehidupan yang menetap telah merubah konsep petempatan mereka daripada “labuhan” kepada “kampung”, yang kebanyakannya telah diasaskan di kawasan labuhan-labuhan ini. Namun dari segi pemilikan, didapati perubahan jenis petempatan dari labuhan kepada kampung masih lagi meneruskan status tidak bertanah (*landless communities*) dalam kalangan Sama-Bajau.

Ragam kehidupan yang menetap telah mengurangkan lagi jarak sosial Sama-Bajau dengan kumpulan suku-suku etnik lain yang telah berada dalam masyarakat arus perdana di negara masing-masing. Mereka juga telah diikat oleh politik ekonomi negara seperti ikatan sesuatu peraturan yang lebih khusus sifatnya. Sebagai contoh peraturan penggunaan tanah, peraturan petempatan dan peraturan pentadbiran kerajaan tempatan, adalah antara bentuk politik-ekonomi negara yang telah mengintegrasikan mereka ke dalam sistem sosial negara bangsa.

Sama-Bajau Dalam Kanca Urbanisasi:
Pengalaman di Teluk Bone Sulawesi Selatan

Buku Ini

Setakat ini, sudah agak banyak kajian telah dilakukan tentang suku etnik Sama-Bajau termasuklah juga di Indonesia yang kebanyakannya dilaporkan dalam bentuk laporan teknik, kertas seminar, artikel dalam jurnal dan bab dalam buku. Namun persoalan yang menarik minat para pengkaji ini, baik tentang Sama-Bajau di Malaysia, Filipina atau Indonesia, lebih tertumpu kepada unsur-unsur kebudayaan yang tiada kaitan secara langsung dengan persoalan-persoalan pembangunan. Hal ini membuatkan karya-karya yang sedia ada tentang suku Sama-Bajau di Indonesia khususnya dan di Asia Tenggara umumnya, boleh dikatakan lebih menjurus kepada soal-soal kebudayaan yang menekankan aspek-aspek tertentu seperti pola ekonomi, pola kekeluargaan, pola adat-istiadat, pola kesenian dan teknologi kelautan, pola interaksi dengan orang luar dan keagamaan serta soal modenisasi.

Umumnya, karya-karya yang ada lebih tertarik kepada aspek-aspek kebudayaan suku Sama-Bajau yang dianggap unik di antara banyak-banyak kebudayaan sukuan lain di Indonesia Timur.

Melihat kepada perbincangan karya-karya yang sedia ada, nampaknya isu-isu pembangunan komuniti di kalangan suku etnik Sama-Bajau, termasuklah suku-suku pribumi lain, masih sangat terabai. Sedangkan sebahagian daripada penduduk masyarakat di negara-negara sedang membangun secara fizikal mahupun sosial, adalah terdiri daripada kelompok-kelompok suku etnik pribumi yang masih berada di kawasan pinggir arus perdana pembangunan negara masing-masing. Mereka adalah golongan masyarakat yang termundur dan miskin di negaranya dan secara bersendirian, sudah tentu mereka tidak akan mampu untuk bersaing secara bebas dalam sistem ekonomi kapitalis-demokratik berlaku di negara masing-masing. Untuk maju,